

# PEMBENTUKAN KARAKTER GURU DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM)

*Character Formation Of Teachers Amongst Students Teacher Education Institute  
Malaysia (IPGM)*

<sup>1</sup>Syed Ismail Syed Mustapa, <sup>2</sup>Ahmad Subki Miskon, <sup>3</sup>Salmiah Md.Salleh, <sup>4</sup>Nur Aisyah Chuah Jia Ni,  
<sup>5</sup>Noor Fitriyati Abdul Samad, & <sup>6</sup>Noor Diyana Salleh  
<sup>1,3,4,6</sup>Institut Pendidikan Guru Malaysia  
<sup>2,5</sup>IPGM Kampus Ilmu Khas

*Corresponding author: syedismail@ipgm.edu.my*

Received: 27/2/2024 Revised: 29/7/2024 Accepted: 5/8/2024 Published: 10/10/2024

DOI: <https://doi.org/10.61374/temp02.24>

## ABSTRAK

Pembentukan karakter guru dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kualiti serta nilai profesion keguruan dalam kalangan warga pendidik. Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau pembentukan karakter guru dalam kalangan pelajar IPGM. Sampel kajian ini terdiri daripada 201 orang pelajar dari IPGM Kampus Ilmu Khas yang terdiri daripada pelajar PISMP Ambilan Jun 2022/2027 dan PPISMP Ambilan Jun 2023/2028. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan instrumen soal selidik sebagai rujukan utama. Dapatan daripada tinjauan yang dilaksanakan menunjukkan bahawa penerapan karakter guru dapat diterapkan dalam kalangan pelajar IPGM dengan min keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.93;  $sp=.49$ ). Seterusnya dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga (3) aspek yang melibatkan integriti perlu diberikan penekanan berbanding dengan aspek-aspek lain kerana terdapat 33 orang (16.4%) daripada pelajar pernah cuba untuk menipu dalam peperiksaan, 29 orang (14.4%) daripada pelajar menggunakan media sosial semasa sesi pembelajaran tetapi bukan untuk tujuan pembelajaran dan seramai 17 orang (8.5%) hadir lewat ke kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berkaitan dengan kursus pengajian. Analisis maklum balas terbuka (102 maklum balas) menunjukkan pelbagai aktiviti yang dilaksanakan di IPGM berjaya membentuk karakter pelajar untuk menjadi seorang guru yang berkualiti, berupaya membentuk sikap/sahsiah/peribadi yang sesuai dengan profesion keguruan dan seterusnya kursus yang diikuti membolehkan mereka menguasai kemahiran mengajar yang diperlukan oleh seorang guru. Pengkaji mencadangkan aspek pembentukan karakter guru terus diberikan penekanan dalam latihan guru dan kajian lanjutan yang melibatkan data secara kualitatif dapat dilaksanakan untuk memperkukuh aspek pembentukan karakter guru dalam kalangan pelajar IPGM.

**Kata Kunci:** pendidikan, pembentukan karakter, kualiti guru, latihan keguruan

## ABSTRACT

*The formation of teacher character is carried out with the aim of improving the quality and professional values among educators. This study was conducted to examine the formation of teacher character among students at the IPGM. The study sample consisted of 201 students from the IPGMK Special Education, including students from the PISMP June 2022/2027 intake and PPISMP June 2023/2028 intake. The study used a quantitative approach through a questionnaire as the main reference instrument. The study findings indicate that the implementation of teacher character can be applied among IPGM students, with an overall mean at a moderately high level (mean 3.93;  $sd=.49$ ). Furthermore, the study findings show that three (3) aspects involving integrity need to be emphasized compared to other aspects because 33 students (16.4%) have attempted cheating in exams, 29 students (14.4%) have used social media during learning sessions but not for educational purposes,*

*and 17 students (8.5%) have been late to lectures, tutorials, classes, or other teaching-related courses. Open feedback analysis (102 responses) shows various activities conducted at IPGM that have successfully shaped students' character to become quality teachers, capable of developing attitudes/personalities suitable for the teaching profession, and subsequently, the courses they undertake enable them to master the necessary teaching skills. The researcher recommends that the aspect of teacher character formation continues to be emphasized in teacher training, and further qualitative research involving data can be conducted to strengthen the aspect of teacher character formation among IPGM students.*

**Keywords:** *character formation, teacher quality, teacher training*

## PENGENALAN

Karakter adalah kualiti sikap yang tetap berterusan, kekal dan ditunjukkan secara rutin untuk mengidentitikan peribadi seseorang individu (Syed Ismail, 2013). Oleh itu karektor seseorang guru akan menjadi identifikasi profesionalisme keguruan. Karektor guru haruslah bersikap amanah, dedikasi, komited pada tugas, ikhlas, sanggup berkorban masa dan tenaga dan mempunyai sikap membantu dan menyampaikan seberapa banyak ilmu kepada murid-muridnya. Seseorang guru juga perlulah sentiasa meningkatkan pengetahuan serta bersikap global. Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) adalah institusi latihan guru praperkhidmatan yang melatih guru-guru sekolah rendah. Ini penting kerana guru-guru lepasan IPGM akan berkhidmat di sekolah rendah. Oleh itu sangat wajar pelajar-pelajar ini mempunyai karektor yang sesuai dengan personaliti murid-murid sekolah rendah. Kandungan kurikulum dan latihan ikhtisas dilaksanakan oleh IPGM kini diharapkan mampu membentuk karakter guru seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Dalam usaha untuk membentuk karakter guru, IPGM menyediakan program pendidikan profesional khusus bagi calon guru. Pelajar IPGM menerima latihan dan pendidikan khusus dalam bidang pendidikan, termasuk strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah, dan pemahaman terhadap pelbagai isu pendidikan semasa. Program seperti ini dapat membantu pelajar-pelajar IPGM untuk memahami tanggungjawab profesional mereka sebagai guru apabila ditempatkan di sekolah kelak. Ketika mengikuti pengajian di IPGM, pelajar diberikan pendedahan kepada sistem pendidikan negara yang memberikan penekanan kepada pembentukan nilai yang turut merangkumi aspek kesetaraan, keharmonian, dan integriti. Selain itu pelajar juga diberikan pendedahan kepada kepelbagaian aspek budaya, bahasa, dan perancangan KPM dalam merealisasikan pendidikan untuk semua tanpa mengira status individu berkenaan dalam masyarakat masa kini.

Selain itu IPGM memainkan peranan penting dalam menyelaraskan calon guru dengan nilai-nilai etika dan moral yang tinggi. Pelajar IPGM dilatih untuk menjaga etika profesional, integriti, dan menunjukkan komitmen yang tinggi demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada murid-murid di sekolah (Syed Ismail, 2013). Semasa mengikuti pengajian di IPGM, pelajar juga diberikan peluang untuk mendapat pengalaman di lapangan. Pelajar IPGM mendapat peluang tersebut melalui latihan praktikum dalam bilik darjah sebenar di bawah bimbingan pensyarah dan guru-guru yang berpengalaman. Ini memberi mereka pengalaman praktikal untuk menguruskan kepelbagaian sikap murid, menangani pelbagai situasi, dan melaksanakan kaedah pengajaran yang efektif.

Seterusnya usaha untuk membentuk karakter guru dalam kalangan pelajar IPGM, pelbagai aktiviti dan program lain telah dilaksanakan yang turut memberikan penekanan terhadap aspek kemahiran komunikasi dan interaksi sosial, pendidikan keusahawanan, pengetahuan dan penguasaan pedagogi, kebolehan kepimpinan, kesedaran terhadap pendidikan inklusif dan pembelajaran berterusan. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk meninjau sejauh mana kepelbagaian program yang dilaksanakan di IPGM tersebut berjaya membentuk karakter guru dalam kalangan pelajar IPGM.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dalam usaha melahirkan guru yang berkarektor pendidik banyak cabarannya. Walaupun guru IPGM telah menjalani latihan keguruan selama 5 tahun tetapi masih ada segelintir masyarakat yang mempersoalkan karektor guru-guru. Media massa yang melaporkan salah laku guru sedikit sebanyak menjejaskan profesion keguruan. Contohnya seorang guru disiplin sekolah rendah di Beluran telah dijatuhi hukuman penjara berjumlah 80 tahun dan 20 sebatan atas 14 pertuduhan rogol, cabul serta liwat terhadap lapan murid perempuan. Antara pertuduhan terhadapnya adalah dua pertuduhan merogol muridnya yang berumur sembilan tahun pada November 2015 dan 10 tahun pada Mac-Julai 2016 di sekolah tempat dia bekerja di Beluran. Atas pertuduhan tersebut, guru berkenaan telah dijatuhi hukuman penjara masing-masing 15 dan 18 tahun serta diperintahkan supaya dikenakan masing-masing tiga serta empat sebatan. Walau bagaimanapun hukuman itu diarahkan berjalan serentak mulai tarikh pendakwaan iaitu pada 27 Disember 2017. Ketika menjatuhkan hukuman tersebut, hakim menyatakan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh adalah serius kerana dia berkhidmat sebagai guru disiplin tetapi mengambil kesempatan dengan menjadikan kanak-kanak sebagai mangsanya (Beritan Harian, 2019).

Seterusnya di Terengganu, seorang murid tahun tiga telah memfailkan saman terhadap seorang guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) yang didakwa menyebabkannya cedera parah sehingga patah tulang kaki kanan. Guru berkenaan telah dituduh mengangkat dan menghempas murid berkenaan ke atas sebuah kerusi menyebabkannya patah tulang kaki kanan dan keretakan pada bahagian yang lain. Murid tersebut terpaksa menjalani rawatan pemulihan dan kemungkinan perlu menjalani pembedahan sekali gus berisiko mengalami kecacatan kekal akibat kecederaan yang dialaminya (Berita Harian, 2023).

Kes lain yang membabitkan salah laku guru lagi juga dilaporkan telah berlaku di Kuantan. Seorang guru besar telah dijatuhi hukuman penjara tiga bulan oleh Mahkamah Sesyen Kuantan atas dua pertuduhan menyalahgunakan jawatan untuk mendapat suapan. Guru besar tersebut juga telah membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan berkenaan. Tertuduh dikenakan hukuman penjara selama tidak lebih tempoh 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi (Sinar Harian, 2022).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umum kajian ini meninjau pembentukan karakter guru dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Secara khusus kajian ini bertujuan meninjau pembentukan karektor pelajar dari aspek Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Kerja Berpasukan, Kemahiran Kepimpinan, Kemahiran Penyelesaian Masalah, Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat, Integriti, Nilai Kendiri dan Jati Diri.

## **PERSOALAN KAJIAN**

- i) Sejauh manakah penerapan karakter guru dapat diterapkan dalam kalangan pelajar IPGM?
- ii) Apakah aspek karakter guru yang masih perlu diberikan penekanan untuk diterapkan dalam kalangan pelajar IPGM?
- iii) Adakah pelaksanaan pelbagai aktiviti di IPG dapat membentuk karakter guru dalam kalangan pelajar IPGM?

## KAJIAN LITERATUR

Teori Personaliti Rogers (Konsep Kendiri) dari aspek pembentukan karektor guru penting kerana teori ini berkait rapat dengan sikap profesional guru secara efektif dan berkesan. Fokus kajian berpusatkan pembentukan karektor guru dari aspek Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Kerja Berpasukan, Kemahiran Kepimpinan, Kemahiran Penyelesaian Masalah, Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat, Integriti, Nilai Kendiri dan Jati Diri. Guru yang memiliki karektor positif ini akan bersedia berhadapan dengan cabaran pendidikan masa kini yang kian menuju era globalisasi. Menurut Azizi et al. (2005), karektor positif bagi seorang guru adalah melengkapi dirinya dengan kepelbagaian ilmu terutamanya berkaitan dengan teknologi maklumat serta berupaya dalam menjalankan tugas dengan baik dan dalam masa yang lama mendorong berkelakuan lebih positif kerana mereka adalah role model kepada murid. Dalam teori personaliti Rogers menyatakan konsep pembentukan karektor memainkan peranan yang penting kerana akan menentukan perasaan dan tingkah laku seseorang. Ini bersesuaian dengan diri seseorang guru. Dalam pada itu pembentukan karektor diri merupakan satu keperluan bagi setiap individu, apatah lagi bagi seorang guru. Apabila seseorang mempunyai karektor positif terhadap dirinya sendiri, terutamanya guru akan mempunyai sikap yang sama terhadap orang lain.

Pendidikan karakter merupakan usaha untuk membangunkan generasi muda yang mempunyai etika dan nilai teras yang dititikberatkan oleh pelbagai budaya (Character Education Organization, 2016). Justeru, untuk menjayakan usaha tersebut, semua pemegang taruh (*stakeholder*) pendidikan perlu terlibat dan menjadikannya sebagai budaya dalam pelaksanaan kurikulum dan persekitaran sekolah. Menurut perspektif Islam, pendidikan karakter sebenarnya telah lama wujud iaitu sejurus bermulanya penurunan Al Quran dan pembentukan karakter ini juga merujuk kepada pembentukan akhlak yang perlu diterapkan ke dalam diri seseorang (Siddiq, 2018). Melalui pembentukan akhlak tersebut adalah diharapkan akan dapat membentuk kestabilan jiwa serta menggerakkan seseorang untuk melaksanakan kebaikan tanpa sebarang paksaan (Siddiq, 2018).

Falsafah profesion perguruan merupakan tunjang dalam pendidikan guru ke arah membentuk identiti profesional guru serta merangka strategi yang digunakan boleh membantu murid mendapatkan pembelajaran yang bermakna (Kriek, 2016). Dalam usaha untuk mewujudkan pembelajaran yang bermakna, pembentukan karakter secara lisan dan bukan lisan merupakan medium komunikasi yang dapat mempengaruhi aspek pengajaran guru dalam bilik darjah (Mohd Azly, Muhammad Faisal & Mohd Kipli, 2022). Kajian yang melihat kepada tahap profesionalisme guru berdasarkan dimensi karakter guru mendapati secara keseluruhan dimensi ini menunjukkan guru-guru mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi (Mohd Aizat & Kamarudin, 2020).

Kesempurnaan sistem pendidikan akan menjadi pemangkin untuk mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan individu yang berakhlak mulia, mempunyai jati diri yang kukuh, bertanggungjawab serta tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai anasir yang tidak baik dan berperilaku negatif dalam masyarakat (Mastura & Farawahida, 2020). Jati diri merupakan harga diri bagi menggambarkan peribadi watak setiap bangsa dan suku kaum yang didukung dengan kekuatan jiwa dan perasaan yang tekak, tabah, teguh, berpasak kukuh dalam jiwa walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran semasa (Zamri, Nik Mohd Rahimi, Mohd Mahzan & Fong Peng, 2017).

Selain itu pendidikan pembentukan karakter adalah langkah yang sangat penting serta merupakan strategi utama dalam membangunkan jati diri bangsa untuk membentuk masyarakat di sesebuah negara (Yenni, Ismail & Rojja, 2019). Dalam konteks persekolahan, jati diri murid merupakan elemen yang penting untuk membina daya tahan, kekuatan jiwa, membentuk pemikiran dan karakter, memenuhi individu yang memanusiaikan manusia, berpendirian tegas, stabil serta tidak goyah dalam menghadapi pelbagai cabaran. Ini kerana pada usia remaja adalah waktunya untuk memperkayakan diri dengan pembangunan identiti (Branch, 2020).

Dalam konteks latihan guru, kompetensi guru pelatih merupakan elemen penting sebelum mereka menggalas tugas sebagai guru di sekolah. Untuk menjamin kompetensi guru pelatih, kursus Amalan Profesional Guru merupakan kursus teras bagi pelajar (guru pelatih) yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG. Amalan Profesional Guru merangkumi tiga aspek utama iaitu amalan berkaitan dengan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), Praktikum dan Internship (IPGM, 2014). Justeru, dalam menjalankan tugas dan fungsinya, guru pelatih dituntut memiliki kompetensi pedagogi dan kompetensi profesional. Kedua-dua potensi ini perlu disepadukan dan diterjemahkan dalam bentuk amalan praktikum agar guru pelatih dapat membentuk karakter guru menjadi lebih mantap (Ab.Hamid et.al, 2017).

Seterusnya kajian terhadap penilaian dalam praktikum mendapati bahawa aspek sikap dan sahsiah merupakan kualiti guru pelatih yang paling tinggi. Secara keseluruhan, menurut penilaian pensyarah dan guru pembimbing, aspek sikap dan sahsiah merupakan kualiti guru pelatih yang paling tinggi berbanding dengan tiga aspek yang lain (amalan merancang, mengelola dan membuat refleksi). Berdasarkan borang penilaian dalam menilai sikap dan sahsiah, terdapat 4 aspek yang dilihat ke atas guru pelatih iaitu tahap penampilan diri, keperihatinan, pekerti dan sikap profesionalisme keguruan. Keempat-empat aspek ini juga merupakan antara elemen yang perlu ada dalam pembentukan karakter seorang guru (Syed Ismail, 2013).

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai data utama melalui kaedah kajian tinjauan. Satu set instrumen kajian telah diedarkan kepada dua kumpulan pelajar IPG dari IPG Kampus Ilmu Khas iaitu pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2022/2027 dan pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Ambilan Jun 2023/2028. Instrumen tersebut meliputi lapan (8) aspek iaitu Bahagian A: Demografi Pelajar, Bahagian B: Kemahiran Komunikasi, Bahagian C: Kemahiran Kerja Berpasukan, Bahagian D: Kemahiran Kepimpinan, Bahagian E: Kemahiran Penyelesaian Masalah, Bahagian F: Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat, Bahagian G: Integriti, Bahagian H: Nilai Kendiri, Bahagian I: Jati Diri dan Bahagian J: Soalan Respon Terbuka. Setiap item dijawab berdasarkan Skala Likert dengan 1. Sangat tidak setuju; 2. Tidak setuju; 3. Kurang setuju; 4. setuju; dan 5. Sangat setuju.

Sebelum menjalankan kajian, instrumen yang dibina telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan setiap item yang diuji. Bagi tujuan kesahan, pengkaji telah menjalankan kesahan kandungan dengan merujuk instrumen tersebut kepada 3 orang pakar iaitu seorang Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, seorang Pensyarah Kanan dan seorang Ketua Jabatan IPG yang sama. Teguran dan pandangan daripada 3 orang pakar ini telah diambil kira dalam pemurnian dari segi penggunaan bahasa, kejelasan maksud dan isi kandungan setiap item yang dibina.

Instrumen yang telah diuji kesahannya itu diuji pula kepada 79 orang pelajar PISMP Ambilan Jun 2020/2024 dan mereka tidak terlibat dalam kajian ini untuk menguji kebolehpercayaan item yang dibina. Setelah diuji, pengkaji mendapati bahawa reabiliti instrumen adalah 0.837 yang melibatkan 50 item. Oleh yang demikian, item yang dibina boleh digunakan untuk tujuan kajian dan dapat mengukur setiap konstruk yang terdapat dalam kajian ini.

## **ANALISIS DATA**

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan berpandukan program 'Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 29.0. melaksanakan pentaksiran skor min berasaskan pentaksiran oleh Nunnally & Bernstein (1994), dengan menginterpretasikan min kemahiran kepimpinan dalam kajian ini seperti Jadual 1.

Jadual 1  
*Jadual Penentuan Min*

Bil	Nilai Min	Aras
1	4.01 hingga 5.00	Tinggi
2	3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
3	2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
4	1.00 hingga 2.00	Rendah

Sumber: Nunnally, J. C. & Bernstein 1994

Taburan sampel dalam kajian ini ditunjukkan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2  
*Sampel Kajian*

Bil	Pengkhususan Pengajian	Bil	%	Ambilan	Jantina
1	Pengajian Bahasa Melayu	44	21.9		
2	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran	28	13.9	PISMP: Ambilan Jun 2022/2027; PT1S1 (109 orang : 54.2%)	Lelaki = 63 orang (31.3%)
3	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan	12	6.0		
4	Pendidikan Seni Visual	21	10.4		
5	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	20	10.0	PPISMP: Ambilan Jun 2023/2028; PPS1 (92 orang: 45.8%)	Perempuan = 138 orang (68.7%)
6	Pendidikan Muzik	30	14.9		
7	Pengkhususan Bahasa Inggeris	5	2.5		
	Jumlah Keseluruhan	201	100.0		201

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhannya terdapat 201 orang pelajar telah menjawab instrumen yang diedarkan. Daripada jumlah tersebut, 109 orang (54.2%) adalah pelajar PISMP Ambilan Jun 2022/ 2027 manakala 92 orang (45.8%) lagi adalah pelajar PPISMP Ambilan Jun 2023/2028. Daripada jumlah keseluruhan berkenaan, 63 orang (31.3%) adalah pelajar lelaki manakala 138 (68.7%) adalah pelajar perempuan.

Analisis data mengikut pengkhususan bidang pengajian pula menunjukkan bahawa pelajar Pengajian Bahasa Melayu mencatatkan penglibatan tertinggi iaitu seramai 44 orang (21.9%) dan diikuti dengan pelajar dari Pengkhususan Pendidikan Muzik seramai 30 orang (14.9%). Pelajar pengkhususan Bahasa Inggeris pula mencatatkan penyertaan terendah iaitu seramai 5 orang sahaja (2.5%).

Untuk menjawab persoalan pertama kajian iaitu sejauh manakah penerapan karakter guru dapat diterapkan dalam kalangan pelajar IPG, dapatan kajian dirumuskan dalam Jadual 3;

Jadual 3  
Aspek Pembentukan Karakter

Bil	Pernyataan	Min	Sp
1	Kemahiran Komunikasi	4.17	.50
2	Kemahiran Kepimpinan	4.09	.54
3	Kemahiran Sepasukan	3.85	.43
4	Kemahiran Penyelesaian Masalah	3.25	.56
5	Pembelajaran Sepanjang Hayat	4.07	.36
6	Integriti	4.26	.62
7	Nilai Kendiri	4.13	.46
8	Jati Diri	3.64	.42
	Keseluruhan	3.93	.49

Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhannya penerapan karakter guru dalam kalangan pelajar IPG berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.93; sp= .49). Analisis data juga menunjukkan terdapat lima (5) aspek karakter guru yang berada pada tahap tinggi dengan aspek integriti mencatatkan min tertinggi dengan catatan min 4.26 (sp= .62). Seterusnya empat (4) aspek lagi yang juga berada pada tahap tinggi adalah kemahiran komunikasi (min 4.17; sp= .50), nilai kendiri (min 4.13; sp= .46), kemahiran kepimpinan (min 4.09; sp= .54) dan diikuti dengan pembelajaran sepanjang hayat (min 4.07; sp= .36). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiga (3) aspek karakter guru lagi berada pada tahap sederhana tinggi iaitu kemahiran kerja sepasukan (min 3.85; sp= .43), jati diri (min 3.64; sp= .42) dan diikuti dengan kemahiran penyelesaian masalah (min 3.25; sp= .56).

Seterusnya untuk menjawab persoalan kedua kajian iaitu apakah aspek karakter guru yang masih perlu diberikan penekanan untuk diterapkan dalam kalangan pelajar IPG, analisis item telah dilakukan dan dapatan kajian menunjukkan bahawa beberapa aspek yang melibatkan integriti perlu diberikan penekanan berbanding dengan aspek-aspek lain. Untuk mengenal pasti aspek integriti yang perlu diberikan penekanan, analisis item bagi aspek tersebut ditunjukkan seperti dalam Jadual 4;

Jadual 4  
Analisis Item Integriti


BIL	PERNYATAAN	Tidak Setuju		Setuju	
		n	%	n	%
1	Pernah cuba <b>menipu</b> dalam peperiksaan.	168	83.6	<b>33</b>	16.4
2	Meniru jawapan daripada orang lain semasa peperiksaan.	185	92.0	16	8.0
3	Menggunakan bahan atau alatan tanpa kebenaran contohnya nota bertulis tangan, telefon bimbit, telefon pintar, jam pintar atau apa-apa bahan elektronik yang tidak dibenarkan semasa peperiksaan	195	97.0	6	3.0
4	<b>Berkongsi jawapan</b> dengan rakan bagi sesuatu tugas atau projek.	136	67.6	65	32.4
5	Mengarah, memaksa, memujuk, memperdaya atau mengugut orang lain membuat penulisan dan tugas.	198	98.5	3	1.5
6	Menghantar karya orang lain sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai karya sendiri.	197	98.0	4	2.0
7	Tidak hadir kuliah tanpa sebarang sebab yang munasabah.	198	98.5	3	1.5
8	Hadir lewat ke kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berkaitan dengan kursus pengajian.	184	91.5	17	8.5
9	Lewat menghantar atau menyerahkan sebarang tugas yang diarahkan berkaitan dengan kursus pengajian.	190	94.5	11	5.5
10	Menggunakan <b>media sosial semasa sesi pembelajaran</b> tetapi bukan untuk tujuan pembelajaran.	172	85.6	29	14.4

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan bahawa bagi item G1 terdapat 33 orang (16.4%) daripada pelajar pernah cuba untuk menipu dalam peperiksaan. Item G10 pula menunjukkan bahawa terdapat 29 orang (14.4%) daripada pelajar menggunakan media sosial semasa sesi pembelajaran tetapi bukan untuk tujuan pembelajaran. Item G8 pula mencatatkan seramai 17 orang (8.5%) hadir lewat ke kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berkaitan dengan kursus pengajian. Walaupun data-data ini menunjukkan bilangan yang agak kecil, namun oleh kerana pelajar ini merupakan bakal guru, maka aspek integriti ini mesti ditangani sebaik mungkin agar tidak terus menjadi amalan yang negatif dalam kalangan pelajar IPG.

Berdasarkan analisis bagi item G1, tindakan segera dan satu langkah drastik perlu diambil agar penambahbaikan dapat dilakukan oleh Unit Peperiksaan khususnya, dan para pensyarah amnya semasa mengendalikan peperiksaan terhadap pelajar. Pelajar perlulah diberikan kesedaran bahawa perbuatan ini merupakan satu penipuan dan kesalahan yang tidak sewajarnya dilakukan. Seterusnya berdasarkan dapatan bagi item G10 dan G2, memerlukan tindakan segera daripada pensyarah yang mengendalikan sesi kuliah masing-masing. Selain itu sebagai pelajar dan bakal bergelar guru, adalah tidak wajar sama sekali mereka menggunakan media sosial semasa sesi pembelajaran tetapi bukan untuk tujuan pembelajaran dan hadir lewat ke kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran. Ini menunjukkan sikap pelajar yang tidak menghormati pensyarah dan secara langsung juga menunjukkan sikap mereka yang kurang berintegriti khususnya dalam menguruskan masa pembelajaran masing-masing.

Untuk menjawab persoalan ketiga kajian iaitu adakah pelaksanaan pelbagai aktiviti di IPG dapat membentuk karakter guru dalam kalangan pelajar IPG, dapatan kajian adalah seperti Rajah 1;

Rajah 1  
*Analisis Respon Soalan Terbuka*



Merujuk kepada Rajah 1, dapatan kajian menunjukkan bahawa 198 orang pelajar (98.5%) berpendapat bahawa berdasarkan pengalaman mengikuti pengajian di IPG, pelbagai aktiviti di IPG dapat membentuk karakter guru dalam diri mereka manakala hanya 3 orang sahaja (1.5%) berpendapat sebaliknya. Analisis berdasarkan maklumbalas yang diberikan, diklasifikasikan seperti dalam Jadual 5;



Jadual 5  
Maklum balas Terbuka

Bil	Aspek Pembentukan Karakter Guru	Jumlah
<b>Berupaya membentuk karakter seorang guru</b>		
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• sikap / sahsiah / peribadi yang sesuai dengan profesion keguruan</li> <li>• latihan berupaya membentuk dan menguasai kemahiran mengajar</li> <li>• melatih diri untuk berfikir secara kreatif / inovatif</li> <li>• mengembangkan bakat dan potensi diri</li> <li>• memupuk nilai-nilai murni dalam diri</li> <li>• kemahiran berkomunikasi dengan berkesan</li> <li>• membentuk disiplin sendiri</li> <li>• melatih dan mengamalkan aspek kepimpinan</li> </ul>	102
<b>Meningkatkan keyakinan diri</b>		
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendapat pengalaman dalam pelbagai aspek dan menambahkan keyakinan diri</li> <li>• sesi pembentangan di dalam kelas meningkatkan kemahiran keyakinan diri</li> <li>• kepelbagaian aktiviti berupaya meningkatkan motivasi diri untuk menjadi guru</li> <li>• berupaya membentuk jati diri guru</li> <li>• aktiviti yang diadakan berupaya membentuk diri untuk lebih berdikari</li> <li>• sesi soaljawab dalam pelbagai aktiviti melatih diri lebih yakin untuk memberikan pendapat</li> </ul>	72
<b>Selari dengan Hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan &amp; Falsafah Pendidikan Guru</b>		
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• membentuk seseorang guru yang cemerlang dari segi fizikal, emosi, rohani, sosial, intelek</li> </ul>	9

Merujuk kepada Jadual 3, sebanyak 102 maklum balas yang diterima menyatakan bahawa kepelbagaian aktiviti di IPG berjaya membentuk karakter pelajar untuk menjadi seorang guru yang berkualiti. Pelajar berpendapat bahawa antaranya bahawa mereka berupaya membentuk sikap / sahsiah / peribadi yang sesuai dengan profesion keguruan dan seterusnya latihan atau kursus yang diikuti tersebut juga membolehkan mereka menguasai kemahiran mengajar yang diperlukan oleh seseorang guru. Selain itu kepelbagaian aktiviti di IPG turut mendidik pelajar agar dapat melatih diri untuk berfikir secara kreatif / inovatif. Di samping itu pelajar juga dapat mengembangkan bakat serta potensi diri, memupuk nilai-nilai murni, mempertingkatkan kecekapan berkomunikasi, membentuk disiplin sendiri dan mengamalkan aspek kepimpinan dalam pelbagai situasi.

### PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan keseluruhan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa amalan penerapan karakter guru dalam kalangan pelajar IPGM yang melibatkan lapan (8) aspek karakter guru iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, integriti, nilai sendiri dan jati diri berada pada tahap sederhana tinggi. Oleh yang demikian, para pensyarah di IPGM perlulah memberikan penekanan terhadap aspek pembentukan karakter guru dalam kalangan pelajarnya kerana kajian terdahulu menunjukkan bahawa pendidikan pembentukan karakter adalah langkah yang sangat penting serta merupakan strategi utama dalam membangunkan jati diri bangsa untuk membentuk masyarakat di sesebuah negara (Yenni, Ismail & Rojja, 2019).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga (3) aspek yang melibatkan integriti perlu diberikan penekanan berbanding dengan aspek-aspek lain iaitu cuba untuk menipu dalam peperiksaan, menggunakan media sosial semasa sesi pembelajaran tetapi bukan untuk tujuan pembelajaran dan hadir lewat ke kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berkaitan dengan kursus pengajian. Justeru, pelajar IPGM perlulah berusaha untuk mengubah sikap kerana sebagai bakal guru mereka dituntut memiliki kompetensi pedagogi dan kompetensi profesional. Kedua-dua potensi ini perlu disepadukan dan bakal diterjemahkan dalam bentuk amalan praktikum agar mereka dapat membentuk karakter guru menjadi lebih mantap (Ab.Hamid et.al, 2017).

Seterusnya dapatan kajian melalui analisis maklum balas terbuka menunjukkan pelbagai aktiviti yang dilaksanakan di IPGM berjaya membentuk karakter pelajar untuk menjadi seorang guru yang berkualiti, berupaya membentuk sikap / sahsiah / peribadi yang sesuai dengan profesion keguruan dan seterusnya kursus yang diikuti membolehkan mereka menguasai kemahiran mengajar yang diperlukan oleh seorang guru. Dapatan kajian ini selari dengan kajian terdahulu yang mendapati bahawa menurut penilaian pensyarah dan guru pembimbing, aspek sikap dan sahsiah merupakan kualiti guru pelatih yang paling tinggi berbanding dengan tiga aspek yang lain (amalan merancang, mengelola dan membuat refleksi). Berdasarkan borang penilaian dalam menilai sikap dan sahsiah, terdapat 4 aspek yang dilihat ke atas guru pelatih iaitu tahap penampilan diri, keprihatinan, pekerti dan sikap profesionalisme keguruan. Keempat-empat aspek ini juga merupakan antara elemen yang perlu ada dalam pembentukan karakter seorang guru (Syed Ismail Syed Mustapa, 2013). Kajian berkenaan dilaksanakan ketika guru pelatih sedang menjalani praktikum dan ini menunjukkan bahawa IPGM telah berjaya membentuk karakter guru apabila pelajar berkenaan berada di lapangan sebenar.

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian ini, pengkaji menyarankan agar setiap pensyarah perlulah memberikan penekanan kepada aspek pembentukan karakter guru ketika melaksanakan kuliah dan pelbagai aktiviti lain di IPGM. Keupayaan membentuk karakter guru ini perlu dititikberatkan oleh semua pihak yang terlibat dalam latihan guru kerana keupayaan membentuk sikap, akhlak dan nilai murid-murid di sekolah banyak bergantung kepada karakter guru itu sendiri. Justeru, kajian ini diharap dapat membuka laluan kepada kajian berkaitan karakter guru dengan lebih menyeluruh dan akhirnya dapat dikeluarkan solusi yang mantap ke arah pembentukan modal insan dalam kalangan guru demi masa depan negara yang bakal kita tinggalkan.

Selain itu latihan keguruan perlu ditambah baik bagi mengembangkan pembentukan karektor pelajar. Ini dapat direalisasikan melalui pemantapan kompetensi kemahiran insaniah dan aktiviti-aktiviti kampus. Dengan ini pembentukan karektor akan meningkatkan interaksi dengan murid, memahami perkembangan pendidikan, empati dan kepekaan guru terhadap keperluan dan latar belakang murid, dan etika profesional.

Pengkaji menyarankan supaya aspek kemahiran penyelesaian masalah diberi fokus untuk melanjutkan kajian ini. Aspek penyelesaian masalah akan mendorong pelajar IPGM mengembangkan kemahiran berfikir kreatif dan kritis, supaya mereka dapat memberikan pembelajaran yang bermakna dan membina kemampuan berfikir kritis kepada murid.

### **Penghargaan**

Penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini terutama kepada responden, penilai dan ketua jabatan yang memberi kerjasama sehingga penyelidikan ini dapat disiapkan.

## Kenyataan konflik kepentingan

Tiada potensi konflik kepentingan dilaporkan oleh penulis.

## RUJUKAN

- Ab. Hamid Ali, Abdullah Yusoff, Muhammad Ridzuan Idris, Abd. Aziz Zaki Razali & Mohd Nazri Abdul Rahman. (2017). Kompetensi guru pelatih di sebuah institut pendidikan guru dalam melaksanakan latihan mengajar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(2), 39-55.
- Azizi Yahaya. (2005). *Pembangunan sendiri*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Branch, A. J. (2020). Promoting ethnic identity development while teaching subject matter content: A model of ethnic identity exploration in education. *An International Journal of Research and Studies Teaching and Teacher Education*, 87, 102918  
<https://doi.org/10.1016/j.tate.2019.102918>
- Character Education Organization. (2016). *11 Principles of effective character education*. character. Org: United Kingdom.
- Berita Harian Online*. (2019, 27 Ogos). Guru disiplin dipenjara 80 tahun.  
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/08/600740/guru-disiplin-dipenjara-80-tahun>
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2014). *Buku panduan praktikum*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Khan, A., Khan, S., Zia-Ul-Islam, S., & Khan, M. (2017). Communication skills of a teacher and its role in the development of the students' academic success. *Journal of Education and Practice*, 8 (1), 18-21.
- Mastura, B., & Farahwahida, M. Y. (2020). Pendidikan keibubapaan melalui santunan fitrah Nabi Ya'qub a.s dan pendekatannya bagi menangani salah laku remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 113-123.  
<https://doi.org/10.11113/umran2020.6n3-2.426>
- Mohd Aizat Abu Hassan & Kamarudin Musa. (2020). Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, 9(2), 37-45.
- Mohd Azly Zakaria, Muhammad Faisal Ahmad, & Mohd Kipli Abdul Rahman. (2022). Model pembangunan identiti guru sekolah seni Malaysia: Satu pendekatan pengajaran seni teater dalam pendidikan di Malaysia. *Perspektif*, 14 (Isu Khas), 25-37.
- Norawazni Yusof. (11 Januari 2022). Salah guna kuasa: Guru besar dijel tiga bulan, didenda. *Sinar Harian* <https://www.sinarharian.com.my/article/182447/berita/semasa/salah-guna-kuasa-guru-besar-dijel-tiga-bulan-didenda>
- Norazly Nordin, Muhammad Daoh, & Uzzairah Nabila Ahmad Tazli. (2021). Pendidikan karakter dalam pendidikan awal kanak-kanak: Satu sorotan. *Selangor Humaniora Review*, 4 (1), 188-199.
- Rogers, C. R. (1951). *Client centered therapy: Its current practice, implication and theory*. Houghton Mifflin.

- Siddiq Fadzil. (2018). Pendidikan karakter: Perspektif agama dan budaya. Kertas kerja seminar pedagogi islam peringkat negeri Selangor. Anjuran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, 4 April.
- Syed Ismail Syed Mustapa. (2013). Amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38 (1), 71-78.
- Uzer Usman Moh. (2001). Menjadi guru profesional. Bandung.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang & Chew Fong Peng. (2017). Pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri pelajar aliran pendidikan universiti awam. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20, 1-10.
- Zatul Iffah Zolkipli. (2023, Januari 12). Berdepan risiko kecacatan kekal, pelajar saman guru KAFA menuntut ganti rugi RM410,000. *Berita Harian Online*  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1050843/berdepan-risiko-kecacatan-kekal-pelajar-saman-guru-kafa-tuntut-ganti>
- Zurqoni, Heri Retnawati, Janu Arlinwibowo, & Ezi Apino. (2018). Strategy and Implementation of Character Education in Senior High School and Vocational High Schools. *Journal of Social Studies Education Research*, 9 (3), 370-397.